

Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-178

MPS Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-178 bertarikh 25 Julai 2017 telah memutuskan perkara berikut:

Pemeteraian Kontrak *Qard* Yang Bersifat Insidental¹ Secara Unjuk Terima (*Mu`atah*)

Keputusan

MPS memutuskan bahawa kontrak *qard* secara insidental boleh dilakukan melalui kaedah unjuk terima (*mu`atah*) dan fleksibiliti boleh diberikan oleh pihak pengawal selia untuk membenarkan institusi kewangan Islam (IKI) melaksanakan kontrak *qard* tersebut, tanpa memerlukan sebarang dokumentasi *qard*.


Latar Belakang

- Transaksi secara unjuk terima ialah transaksi yang dilaksanakan hanya melalui perlakuan (*conduct*) tanpa melibatkan ekspresi penawaran dan penerimaan (*ijab* dan *qabul*) yang jelas sama ada secara lisan atau dokumentasi.
- Amalan unjuk terima dalam konteks tadbir urus masa kini agak tidak sesuai untuk diterima pakai kerana ia sukar dibuktikan sekiranya berlaku pertikaian (*dispute*) antara pihak-pihak berkontrak.
- Oleh itu, bagi memastikan ketelusan transaksi kewangan dan menjaga kepentingan pihak-pihak berkontrak, semua kontrak yang dimeterai perlu dibuktikan dengan jelas melalui dokumentasi atau rekod.
- Namun, keperluan dokumentasi penawaran dan penerimaan (*ijab* dan *qabul*) terutamanya bagi pelaksanaan kontrak *qard* yang bersifat insidental menimbulkan kesukaran operasi IKI.

Isu Syariah

- Sama ada kontrak *qard* secara insidental boleh dilaksanakan melalui kaedah unjuk terima tanpa sebarang dokumentasi *qard*.
(Sila rujuk **Rajah 1** berhubung contoh kontrak *qard* secara insidental)

Rajah 1:
Contoh kontrak *qard* secara insidental



Isu Utama Perbincangan MPS

Apakah yang menyebabkan kesukaran operasi bagi melaksanakan kontrak *qard* secara insidental melalui dokumentasi?

- Keperluan dokumentasi bagi kontrak *qard* secara insidental berkemungkinan melibatkan kos tambahan dan boleh menjejaskan kecekapan operasi IKI.
- Tambahan pula, kontrak *qard* secara insidental tidak menjadi tujuan asal (*not originally intended*) dan hanya berkemungkinan berlaku pada situasi tertentu sahaja. Oleh itu, timbul kesukaran untuk menyediakan dokumentasi *qard* sekiranya ia berlaku secara insidental.

Apakah pandangan fuqaha berhubung pelaksanaan kontrak melalui kaedah unjuk terima?

1. Pandangan *mu`tamad* dalam Mazhab Syafi'i
 - Pelaksanaan kontrak secara unjuk terima tidak diharuskan. Ini kerana, unjuk terima tidak semestinya mencerminkan niat dan persetujuan pihak-pihak berkontrak untuk melaksanakan kontrak tersebut.²

¹ Dalam konteks ini, kontrak insidental merujuk kepada kontrak yang tidak menjadi tujuan asal (*originally unintended contract*).

² Zakariya al-Ansari, *Asna al-Matalib Syarh Raudh al-Talib*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, jil. 2, hlm. 3.
Al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, Beirut, jil. 2, hlm. 117.

- Meskipun begitu, mazhab Syafi'i membenarkan secara khusus pelaksanaan kontrak *qard hukmi* tanpa melibatkan penawaran dan penerimaan (*ijab dan qabul*). Contoh *qard hukmi* ialah mendahulukan bayaran bagi pihak yang lain dengan niat ia perlu dibayar balik.³
2. Majoriti fuqaha daripada mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali serta sebilangan fuqaha Syafi'i iaitu al-Nawawi, al-Mutawalli dan al-Baghawi
- Pelaksanaan kontrak secara unjuk terima secara umumnya dibolehkan kerana ia memadai untuk menunjukkan persetujuan pihak-pihak berkontrak.⁴

Adakah unjuk terima dapat memenuhi 'persetujuan' pihak-pihak berkontrak?

- Memandangkan Syariah mengiktiraf kaedah pelaksanaan unjuk terima dalam kontrak utama, maka ia boleh juga digunakan dalam kontrak *qard* secara insidental. Ini kerana, unjuk terima sudah memadai untuk memenuhi persetujuan pihak-pihak berkontrak.
- Tambahan pula, terdapat indikasi kepada kontrak *qard* secara insidental melalui klausa tertentu dalam perjanjian induk, dan/atau dalam dokumen lain, dan/atau amalan perbankan semasa (*`urf tijari*) yang tidak membawa kepada pertikaian antara pihak-pihak berkontrak.

Asas Pertimbangan

- Kontrak *qard* secara insidental bukanlah tujuan asal (*not originally intended*) dalam penstrukturan suatu produk dan hanya berkemungkinan berlaku dalam situasi tertentu seperti ketidakmampuan IKI untuk melaksanakan *tawarruq* (tujuan asal pelanggan) pada hari deposit pelanggan diletakkan dan IKI sukar untuk mengelak daripada menggunakan wang deposit tersebut.
- Keperluan dokumentasi bagi melaksanakan kontrak *qard* secara insidental akan menyebabkan kesukaran operasi IKI serta boleh mengurangkan kecekapan industri kewangan Islam terutamanya dari sudut kos dan masa.
- Pandangan majoriti fuqaha yang mengharuskan pemeteraian kontrak secara unjuk terima dilihat boleh diterima pakai. Ini kerana, unjuk terima tersebut sudah mencukupi untuk memenuhi persetujuan/keredaaan pihak-pihak berkontrak. Tambahan pula, mazhab Syafi'i membenarkan secara khusus pelaksanaan kontrak *qard hukmi* tanpa melibatkan penawaran dan penerimaan (*ijab dan qabul*).
- Klausa berhubung *qard* secara insidental dalam perjanjian induk, dan/atau dalam dokumen lain, dan/atau amalan perbankan semasa (*`urf tijari*) memberi indikasi persetujuan/keredaaan pihak-pihak berkontrak. Dalam hal ini, rekod yang sewajarnya berhubung pergerakan aliran dana sudah mencukupi untuk membuktikan kontrak yang telah dilaksanakan secara unjuk terima.

Implikasi Keputusan MPS

- Keputusan ini adalah penting untuk memberikan kejelasan kepada IKI dan seterusnya meningkatkan kecekapan operasi kewangan Islam dalam memberikan khidmat kepada pelanggan.
- Berdasarkan keputusan ini, pihak pengawal sedia boleh memberi kelonggaran terhadap keperluan perenggan 18.8 dalam dokumen polisi *qard* untuk diterima pakai ke atas kontrak *qard* secara insidental.

Keputusan ini berkuatkuasa serta-merta sejurus kenyataan ini diterbitkan.

³ Zakariya al-Ansari, *Asna al-Matalib Syarh Raudh al-Talib*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, jil. 2, hlm. 141.

⁴ Ibn Nujaym, *Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daqaiq*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, jil. 5, hlm. 291.

Al-Dusuki, *Hasyiah al-Dusuki `ala al-Syarh al-Kabir*, Dar al-Fikr, Beirut, jil. 3, hlm. 3.

Zakariya al-Ansari, *Asna al-Matalib Syarh Raudh al-Talib*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, jil. 2, hlm. 3.

Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Dar al-Fikr, Beirut, jil. 4, hlm. 4.